

OUCH!

DALAM ISU INI...

- Rangkaian Tanpa Wayar Anda
- Peranti Anda
- Kata Laluan
- Sandar

Mencipta Kediaman Selamat Siber

Pengenalan

Beberapa tahun yang lalu mencipta kediaman selamat siber adalah mudah; kebanyakan rumah hanya mempunyai beberapa komputer dan rangkaian tanpa wayar. Teknologi terkini telah menjadi lebih kompleks dan bersepadu dalam pelbagai bahagian kehidupan kita, dari peranti mudah alih dan konsol permainan sehinggalah ke termostat dan kemungkinan juga peti sejuk anda. Berikut adalah empat langkah mudah mencipta kediaman selamat siber.

Editor Jemputan

Matt Bromiley merupakan seorang responden insiden yang membantu pelanggan kecil mahupun besar menangani pencerobohan maklumat. Beliau juga merupakan seorang pengajar SANS, dan mengajar FOR508, kursus Advanced Digital Forensics and Incident Response. Ikuti Matt di [@mbromileyDFIR](https://twitter.com/mbromileyDFIR).

Rangkaian Tanpa Wayar Anda

Hampir semua rangkaian kediaman bermula dengan rangkaian tanpa wayar (atau Wi-Fi). Inilah yang membolehkan kesemua peranti anda berhubung dengan Internet. Kebanyakan rangkaian tanpa wayar dikawal oleh penghalang Internet atau titik capaian yang berasingan. Fungsi mereka adalah sama dengan memancar isyarat tanpa wayar, dan peranti dalam rumah bersambung melalui isyarat ini. Ini bermakna menjamin rangkaian tanpa wayar rumah adalah kunci kepada melindungi kediaman anda. Kami menyarankan langkah berikut untuk melindunginya.

- Tukar kata laluan lalai pentadbir kepada penghalang Internet atau titik capaian, yang mana satu yang mengawal rangkaian tanpa wayar untuk anda. Akaun pentadbirlah yang membolehkan anda mengubah tetapan kepada rangkaian tanpa wayar tersebut.
- Pastikan hanya mereka yang anda percayai sahaja yang boleh bersambung kepada rangkaian tanpa wayar anda. Ini boleh dilakukan dengan membolehkan keselamatan yang kukuh. Buat masa ini pilihan terbaik adalah dengan menggunakan mekanisme keselamatan yang dipanggil WPA2. Dengan membolehkan ini, kata laluan diperlukan untuk bersambung kepada rangkaian kediaman anda dan apabila bersambung, aktiviti mereka disulitkan.
- Pastikan kata laluan yang digunakan untuk bersambung kepada rangkaian tanpa wayar anda adalah kukuh dan berbeza daripada kata laluan pentadbir. Ingat, anda hanya perlu memasukkan kata laluan sekali untuk setiap peranti kerana ia menyimpan dan mengingati kata laluan tersebut.
- Kebanyakan rangkaian tanpa wayar menyokong apa yang dipanggil Rangkaian Tetamu. Ini membenarkan pelawat untuk bersambung kepada Internet, tetapi melindungi rangkaian utama kediaman kerana mereka tidak boleh bersambung kepada peranti lain di rangkaian kediaman anda. Jika menambah rangkaian tetamu, pastikan anda

Mencipta Kediaman Selamat Siber

mbolehkan WPA2 dan juga menggunakan kata laluan yang unik untuk rangkaian ini.

Tidak pasti bagaimana hendak melakukan langkah-langkah ini? Rujuk kepada penyedia perkhidmatan Internet anda atau semak laman web mereka, semak dokumentasi yang didatangkan dengan penghala Internet atau titik capaian anda, atau rujuk laman web mereka.

Peranti Anda

Langkah seterusnya adalah mengetahui peranti apa yang bersambung kepada rangkaian tanpa wayar kediaman anda dan memastikan kesemua peranti tersebut adalah selamat. Ini mudah jika anda mempunyai satu atau dua komputer. Bagaimanapun hari ini hampir apa sahaja boleh bersambung kepada rangkaian kediaman anda termasuklah telefon pintar, TV, konsol permainan, monitor bayi, pembesar suara, atau mungkin juga kereta anda. Setelah mengenal pasti semua peranti di dalam rangkaian kediaman anda, pastikan setiap satu darinya adalah selamat.

Cara paling mudah untuk melakukan ini adalah dengan membolehkan kemas kini automatik. Penyerang siber sentiasa mencari kelemahan baru pada peranti dan sistem operasi yang berlainan. Dengan membolehkan kemas kini automatik, komputer dan peranti akan sentiasa menggunakan perisian terkini, menjadikan mereka lebih sukar untuk digodam.

Kata Laluan

Langkah seterusnya adalah menggunakan kata laluan yang unik dan kukuh untuk setiap peranti dan akaun dalam talian anda. Kata kunci disini adalah unik dan kukuh. Penat dengan kata laluan kompleks yang sukar untuk diingati dan taip? Begitu juga kami. Sebaliknya gunakan ungkapan laluan. Ia adalah sejenis kata laluan yang menggunakan beberapa siri perkataan yang mudah untuk diingati, seperti “di manakah kopi saya?” atau “jalan-itu-lurus”. Semakin panjang ungkapan laluan anda ianya semakin kukuh. Kata laluan yang unik bermaksud menggunakan kata laluan yang berbeza untuk setiap peranti dan akaun dalam talian anda. Dengan cara ini jika satu kata laluan anda telah di kompromi, akaun-akaun dan peranti anda yang lain masih lagi selamat. Tidak dapat mengingati kesemua kata laluan yang unik dan kukuh itu? Jangan risau, begitu juga kami. Itulah sebabnya kami menyarankan anda menggunakan pengurus kata laluan. Ia merupakan program keselamatan khas yang menyimpan kesemua kata laluan anda dengan selamat dan disulitkan pada peti besi maya.

Akhir sekali, bolehkan pengesahan dua-langkah, terutamanya akaun dalam talian anda. Pengesahan dua-langkah adalah lebih kukuh. Ia menggunakan kata laluan, tetapi juga menambah langkah kedua, seperti kod yang dihantar ke telefon pintar



ikut empat langkah mudah ini untuk mencipta kediaman selamat siber; selamatkan rangkaian Wi-Fi anda; bolehkan kemas kini automatik; gunakan ungkapan laluan unik, dan bolehkan sandaran.

